


[Home](#) / Nasional / National Mark of Malaysian Brand logo

[Nasional](#)
[Negeri](#)

NMMB pacu usaha penjenamaan PKS tempatan



Sholina OSMAN

3 hours ago

7

2 minutes read

Share

[Facebook](#)
[Twitter](#)

Strategi Penjenamaan merupakan salah satu komponen yang penting bagi perniagaan membina keyakinan terhadap sesebuah produk atau perkhidmatan dalam kalangan pengguna. Penjenamaan adalah penting bagi sesebuah syarikat tanpa mengira saiznya dan ini termasuklah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Mengambil kira bahawa Malaysia adalah sesebuah negara yang bergantung kepada eksport bagi memacu pertumbuhan ekonominya, kerajaan juga sentiasa giat melaksanakan pelbagai kempen untuk mempromosikan barang dan perkhidmatan tempatan di pasaran antarabangsa.

Bagi memenuhi aspirasi kerajaan Malaysia, SME Corp. Malaysia yang merupakan salah satu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan program pembangunan bagi PKS juga telah melancarkan program National Mark of Malaysian Brand (NMMB) sejak tahun 2009.

"Pensijilan NMMB ini adalah bertujuan untuk melambangkan kualiti, kecemerlangan serta keunggulan produk dan perkhidmatan syarikat Malaysia, di samping mengubah tanggapan bahawa produk PKS adalah berkualiti rendah, kurang keutuhan dengan piawaian produk atau perkhidmatan yang rendah berbanding jenama besar," kata Rizal Nainy, Ketua Pengawal Eksekutif SME Corp. Malaysia.



Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia

Sebanyak 184 syarikat telah diiktiraf di seluruh negara sejak program ini dilaksanakan lebih sedekad yang lalu. Antara syarikat-syarikat yang telah menerima pensijilan NMMB adalah seperti Hexa Food Sdn. Bhd. yang membawa jenama HEXA, Hana Medic Sdn. Bhd. dengan jenama SAFER dan Yakin Sedap Sdn. Bhd. dengan jenama YAKIN.

Selaras dengan halatuju NMMB, syarikat yang membawa tanda dagangan ini adalah syarikat 'export ready' dengan produk dan perkhidmatan setanding dengan piawaian antarabangsa. Kebanyakan penerima pensijilan NMMB sudah pun menembusi pasaran eksport, seperti Dewina Food Sdn. Bhd., Seasoning Specialties Sdn. Bhd., Safetyware Sdn. Bhd., dan Tanamera Tropical Spa Sdn. Bhd. Terdapat beberapa elemen yang membawa kepada kejayaan eksport syarikat, contohnya, pelan eksport yang kukuh, kapasiti dan keupayaan, harga, pengalaman serta pemasaran dan penjenamaan. Program NMMB ini dilihat sebagai pelengkap kepada inisiatif eksport khususnya untuk membina kepercayaan dan keyakinan terhadap produk dan perkhidmatan Buatan Malaysia.

Belang Bertempat



ROS dan UMNO: Seorang lagi pemimpin UMNO bodoh sombang

4 days ago



Rasa bersalah makan pisang goreng digoreng guna minyak masak paket

5 days ago



Mengenali sejarah Malaysia, fahami sejarah dan orang-orang Melayu

5 days ago

Show More

Albatros



Ini rahsia Matt dari ranking 50 menjadi juara Terbuka US

21 June 2022



Ayuh siapa yang tidak malu dan nak berbogel, ada negara yang terima

7 March 2022



Tol dan ketololan yang tiada tolok banding

18 January 2022

Show More

Kecek



Slogan 'Kerajaan Gagal' Lari Ke Bangkok Ikut Sajjad? Kini Hilang Segala Komennya Di Medsoc!

22 September 2021



Apa nasib dan masa depan Nazik, anak yatim piatu

4 June 2021



Kembali ke kuliah selepas 40 tahun

10 May 2021

Show More

Celoteh Mak Teh



Kalau Mahu Terapi Diri Dengan Kos Rendah, Pantai Adalah Penyelesaian Bagi 6 Situasi Ini!

2 weeks ago



Kisah rumah tangga mereka, adalah pembelajaran untuk kita

3 weeks ago



Halalkan dosa dengan alasan berhibur

27 April 2022

Show More

[Nasional](#) [Negeri](#)

NMMB pacu usaha penjenamaan PKS tempatan

 SHOLINA OSMAN

② 3 hours ago

🔥 7

2 minutes read

Share

 Facebook

 Twitter

Menyedari hakikat bahawa terdapat permohonan PKS ditolak kerana tidak mematuhi pra syarat yang telah ditetapkan, Rizal berkata pihak SME Corp. Malaysia sentiasa berusaha untuk membantu PKS yang terjejas melalui sesi capaian dan bengkel di mana interaksi yang lebih berkesan berhubung pengurusan kualiti dan penjenamaan dapat dilakukan.

Sesi-sesi tersebut bertujuan memberi fokus kepada perkongsian maklumat dan panduan untuk membangunkan serta meningkatkan kualiti dan penjenamaan di samping meningkatkan pengetahuan PKS mengenai keperluan, isu dan cabaran dalam pasaran global, kualiti, piawaian selain daripada amalan pengurusan terbaik bantuan-bantuan kewangan yang boleh membantu syarikat berdaya saing.

“Perkongsian pengalaman oleh syarikat PKS yang telah berjaya memanfaatkan persijilan NMMB ini juga diharapkan dapat memberi inspirasi kepada PKS lain yang berminat untuk menyertainya,” tambah Rizal.

Untuk pengetahuan semua, PKS yang memohon persijilan tersebut akan dinilai melalui piawaian yang teliti, di mana langkah-langkah pengauditan dan pemantauan akan dilaksanakan untuk memastikan pematuhan kepada piawaian kualiti yang ditetapkan. Jika berjaya, produk atau perkhidmatan tersebut akan diberi hak untuk memperkenalkan lambang NMMB untuk tempoh dua tahun.

Seterusnya, syarikat PKS yang mendapat sijil NMMB juga berpeluang menikmati pelbagai kemudahan SME Corp. Malaysia seperti insentif kewangan dan inisiatif peluang pasaran yang lebih luas, keutamaan akses kepada aktiviti promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa, keutamaan tawaran mengikuti latihan pembangunan dan bengkel anjuran SME Corp. Malaysia dan rakan strategik dari dalam dan luar negara serta promosi dan liputan media.

Logo NMMB juga telah diterima secara global di 10 negara iaitu Australia, Benelux (Belgium, Netherland & Luxembourg), Hong Kong, India, Jepun, Republik Korea, Republik China, Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat dan kini diperluaskan ke 24 negara termasuklah negara anggota Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di bawah Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) serta Perancis, Georgia, Jerman, Hungary, India, Itali, Mexico, Rusia, Turki dan United Kingdom.

Bagi maklumat lanjut mengenai NMMB, sila layari <https://www.nationalmark.gov.my>



[Home](#) / [Nasional](#) / With NMMB certification, the quality of Hana Medic Sdn. Bhd. products are guaranteed.



[Home](#) / [Nasional](#) / Fire Fighter Industry Sdn. Bhd. is proud to be recognised as a certified National Mark of Malaysian Brand recipient.

Belang Bertempat



ROS dan UMNO: Seorang lagi pemimpin UMNO bodoh sompong

④ 4 days ago



Rasa bersalah makan pisang goreng digoreng guna minyak masak paket

④ 5 days ago



Mengenali sejarah Malaysia, fahami sejarah dan orang-orang Melayu

④ 5 days ago

[Show More](#)

Albatros



Ini rahsia Matt dari ranking 50 menjadi juara Terbuka US

④ 21 June 2022



Ayah siapa yang tidak malu dan nak berbogel, ada negara yang terima

④ 7 March 2022



Tol dan ketololan yang tiada tolok banding

④ 18 January 2022

[Show More](#)

Kecek



Slogan 'Kerajaan Gagal' Lari Ke Bangkok ikut Sajjad? Kini Hilang Segala Komennya Di Medsoc!

④ 22 September 2021



Apa nasib dan masa depan Nazik, anak yatim piatu

④ 4 June 2021



Kembali ke kuliah selepas 40 tahun

④ 10 May 2021

[Show More](#)